MOH/F/FAR/210.26(GU)-e
K-GU-92 (1.0)

Kementerian Kesihatan Malaysia

www.pharmacy.moh.gov.my

PANDUAN TUNTUTAN PENGIKLANAN PRODUK UBAT BERDAFTAR YANG DIBENARKAN TANPA KELULUSAN LEMBAGA IKLAN UBAT



E-BUKU LIU

KANDUNGAN



01 **Pengenalan**
Akta yang dikuatkuasakan

Contoh iklan produk ubat berdaftar yang memerlukan kelulusan Lembaga Iklan Ubat (LIU) 02-03

02 **Iklan produk ubat berdaftar yang tidak memerlukan kelulusan LIU**

a. Iklan produk ubat berdaftar dengan tuntutan umum yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) 05-07

b. Iklan produk ubat berdaftar tanpa tuntutan merawat / mencegah sesuatu penyakit / keadaan manusia 08-09

c. Iklan produk ubat berdaftar dalam bentuk replika bungkusan / kotak gergasi 10

PENGENALAN

AKTA YANG DIKUATKUASAKAN

Secara umumnya, dibawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, iklan ubat yang mengandungi elemen-elemen berikut memerlukan kelulusan LIU iaitu:

1. Artikel iaitu maklumat atau nama ubat
2. Tuntutan merawat atau mencegah
3. Penyakit atau keadaan manusia

Ini sebagaimana termaktub di bawah **Seksyen 4B Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956** iaitu:

4B. Iklan ubat hendaklah diluluskan

Tiada seseorang pun boleh mengambil bahagian dalam penyiaran apa-apa iklan yang merujuk kepada penggunaan apa-apa artikel sebagai ubat, alat atau penyembuh, bagi maksud merawat atau mencegah penyakit atau keadaan manusia selain penyakit dan keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1), **melainkan jika iklan itu telah diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat.**



CONTOH IKLAN PRODUK UBAT BERDAFTAR

YANG MEMERLUKAN KELULUSAN LIU



TUNTUTAN RAWATAN PENYAKIT

ARTIKEL/ PRODUK UBAT BERDAFTAR

NOMBOR KELULUSAN KKLIU

TAHUKAH ANDA

Penyiaran iklan produk ubat berdaftar ***TIDAK memerlukan kelulusan LIU*** *sekiranya kandungan iklan tiada elemen merawat atau mencegah sesuatu penyakit seperti berikut:*

1. **Iklan produk ubat berdaftar dengan tuntutan umum yang diluluskan oleh PBKD**
2. **Iklan produk ubat berdaftar tanpa tuntutan merawat/ mencegah sesuatu penyakit/ keadaan manusia**
3. **Iklan produk ubat berdaftar dalam bentuk replika bungkusan/ kotak gergasi**



1

IKLAN PRODUK UBAT BERDAFTAR DENGAN

TUNTUTAN UMUM

YANG DILULUSKAN OLEH PBKD

Berikut adalah contoh tuntutan umum yang tidak memerlukan kelulusan LIU:

- Digunakan sebagai suplemen kesihatan
- Digunakan secara tradisional untuk kesihatan umum
- Digunakan secara tradisional untuk mengekalkan kesihatan
- Digunakan untuk menyokong kesihatan
- Digunakan untuk kesihatan lelaki atau wanita

Walau bagaimanapun, iklan-iklan produk ubat berdaftar dengan tuntutan umum tersebut hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Memaparkan maklumat yang diluluskan oleh PBKD seperti berikut:


- Tuntutan umum
- Label bungkusan
- Nama produk & nombor pendaftaran produk (MAL)
- Maklumat pada label produk, contohnya: senarai ramuan, sumber asal ramuan, teknologi pemprosesan, dos / cadangan penggunaan, logo pengiktirafan dan lain-lain
- Nama dan alamat pemegang pendaftaran produk/ pengilang/ pengedar

Tidak memaparkan maklumat seperti berikut:

- Tuntutan yang tidak diluluskan
- Tuntutan, label, ilustrasi, gambar, grafik atau kapsyen yang membawa maksud merawat atau mencegah sesuatu penyakit atau keadaan manusia
- Maklumat tambahan yang melampaui kegunaan produk
- Maklumat tuntutan fungsi ramuan, farmakokinetik / farmakodinamik produk
- Maklumat/ logo laman sesawang atau media sosial seperti FB, Instagram, TikTok dan lain-lain

CONTOH IKLAN
Tidak Memerlukan Kelulusan LIU





CONTOH IKLAN Memerlukan Kelulusan LIU







Iklan di atas mempunyai maklumat-maklumat tambahan iaitu grafik yang secara tidak langsung mengandungi elemen merawat penyakit atau keadaan manusia seperti penambahbaikan genetik manusia dan kesihatan jantung serta prestasi tubuh yang melampaui tuntutan yang diluluskan oleh PBKD.

2 IKLAN PRODUK UBAT BERDAFTAR TANPA TUNTUTAN MERAWAT/ MENCEGAH SESUATU PENYAKIT/ KEADAAN MANUSIA

Berikut adalah contoh iklan tanpa tuntutan merawat atau mencegah sesuatu penyakit / keadaan manusia:

a) Iklan yang memperkenalkan produk/ label bungkusan baru yang diluluskan oleh PBKD



Syarat:
Label bungkusan tidak menunjukkan tuntutan untuk merawat penyakit atau keadaan manusia

b) Iklan senarai harga dan gambar produk ubat berdaftar



c) Iklan peraduan dan pertandingan



2 IKLAN PRODUK UBAT BERDAFTAR

TANPA TUNTUTAN MERAWAT/ MENCEGAH SESUATU PENYAKIT/ KEADAAN MANUSIA

d) Iklan jenama/ logo produk atau syarikat



e) Iklan menunjukkan gambar produk asli dan palsu



3 IKLAN PRODUK UBAT BERDAFTAR

REPLIKA BUNGKUSAN / KOTAK GERGASI

Berdasarkan Polisi LIU 5/2007, iklan replika bungkusan / kotak gergasi tidak memerlukan kelulusan daripada LIU. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah mematuhi 2 syarat berikut:

- Sama seperti bungkusan produk yang diluluskan oleh PBKD; dan
- Digantung / dipamerkan di dalam premis farmasi berlesen





Kementerian Kesihatan Malaysia

LEMBAGA IKLAN UBAT

www.pharmacy.moh.gov.my
03-7841 3200
liu@moh.gov.my

LOT 36, JALAN PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ,
46200 PETALING JAYA, SELANGOR

PENERBITAN 2025
KEMASKINI OKTOBER 2026